

# PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 9 TAHUN 2013

---

## TATACARA SIASATAN

---

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara dan panduan dalam mengendalikan siasatan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984 ) (Akta 313), Kaedah-Kaedah Hutan (KKH), Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (KKIBK) yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Hutan.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- i. Pekeliling ini disediakan sebagai panduan kepada Pegawai Hutan yang dilantik sebagai Pegawai Penyiasat [*Investigation officer (IO)*] untuk mengendalikan penyiasatan dengan terancang, teratur, efisyen dan berkualiti.
- ii. Pekeliling ini mengandungi:
  - a. prosedur penyiasatan yang meliputi kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah APN 1984, KKH, EIBK dan KKIBK serta Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) (Akta 593);
  - b. cara siasatan dijalankan;
  - c. cara pengendalian barang kes;
  - d. penggunaan borang-borang;
  - e. panduan merakam percakapan saksi dan suspek; dan
  - f. penyediaan Kertas Siasatan [*Investigation Paper (IP)*] serta penyusunan dokumen-dokumen di dalamnya.

- iii. Pekeliling ini memperincikan prosedur kerja yang terkandung di dalam Bab 16: Penguatkuasaan Undang-Undang, Manual Perhutanan Jilid II.

### **3.0 PERUNTUKAN KUASA UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN**

#### **3.1 Kuasa Menjalankan Penguatkuasaan di bawah APN 1984**

Subseksyen 88(3) APN 1984 memperuntukan kuasa menyiasat bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta tersebut.

#### **3.2 Kuasa Menjalankan Penyiasatan di bawah EIBK**

Seksyen 13 EIBK memperuntukan kuasa menyiasat bagi kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen tersebut.

#### **3.3 Kuasa Menjalankan Penyiasatan di bawah KTJ**

Seksyen 107 hingga seksyen 120 KTJ menjelaskan kuasa-kuasa menyiasat dan perkara-perkara yang perlu diikuti semasa siasatan dilakukan.

### **4.0 KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 DAN ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU**

#### **4.1 Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984**

- i. Kesalahan hutan di bawah seksyen 15, 32, 40, 47, 66, 67, 68, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 92, 96, 97, 98 dan 100 APN 1984 adalah merupakan kesalahan boleh tangkap (*seizable offence*). Kesalahan boleh tangkap ialah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tiga tahun dan ke atas tanpa mengambil kira apa juga jumlah denda yang dikenakan.

ii. Kesalahan hutan di bawah seksyen 50 APN 1984 adalah merupakan kesalahan yang tidak boleh ditangkap . Kesalahan yang tidak boleh ditangkap ialah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh kurang daripada tiga tahun dan kesalahan-kesalahan yang hukumannya adalah denda sahaja.

#### **4.2 Kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK)**

Semua kesalahan di bawah EIBK adalah merupakan kesalahan yang tidak boleh ditangkap di mana hukumannya adalah penjara selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya penjara dan denda itu.

### **5.0 PROSES SIASATAN**

Siasatan bermaksud memeriksa dengan terperinci segala fakta terhadap sesuatu atau seseorang dengan menyatakan, memerhatikan dan membuat pertanyaan secara sah dan sistematik. Proses siasatan bermula sejurus suspek, laporan polis, barang sitaan bersama borang bongkar, dan borang serahan barang kes diserahkan oleh Pegawai Serbuan [*Raiding Officer (RO)*] kepada IO. Proses siasatan dibahagikan kepada tiga peringkat seperti berikut:

- i. Tindakan sebelum siasatan;
- ii. Tindakan semasa siasatan; dan
- iii. Tindakan selepas siasatan.

Carta Aliran Pengendalian Siasatan Kesalahan Hutan dan Senarai Semak Siasatan adalah masing-masing di Lampiran S.1 dan Lampiran S.2

## 5.2 Tindakan Sebelum Siasatan

- i. Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) hendaklah melantik secara bertulis mana-mana Pegawai Hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 sebagai IO untuk menjalankan tugas berhubungan dengan apa-apa penyiasatan mengenai apa-apa kesalahan hutan. Pegawai penyiasat hendaklah seboleh-bolehnya pegawai yang tidak terlibat dalam serbuan bagi kes berkenaan.
- ii. Selepas dilantik, IO hendaklah:
  - a. menubuhkan satu pasukan penyiasat yang dianggotai oleh IO, Penolong IO, Jurugambar dan anggota-anggota lain;
  - b. memastikan benda-benda yang disita adalah sama seperti senarai dalam Borang Bongkar dan borang tersebut seperti format di Lampiran S.3 hendaklah telah diisi dengan lengkap serta ditandatangani oleh RO:
  - c. memastikan butiran mengenai benda-benda yang disita direkodkan di dalam borang Serahan Barang-Barang Kes seperti format di Lampiran S.4 serta ditandatangani oleh IO (pegawai yang menerima) dan RO (pegawai yang menyerah);
  - d. membuka IP dengan mengambil tindakan seperti berikut :
    - IP yang telah dibuka mesti diberi nombor rujukan seperti contoh di Lampiran S.5.
    - Perkataan "SULIT" hendaklah dicetak di bahagian atas muka depan dan belakang kulit IP.

- IP mesti didaftar di dalam **Daftar Kertas Siasatan** seperti format di Lampiran S.6 yang mengandungi butir-butir berikut:
  - tarikh IP didaftar;
  - no. rujukan IP;
  - maklumat suspek – jantina, tarikh lahir, umur dan alamat terkini;
  - No. kad pengenalan / no. pasport;
  - kewarganegaraan;
  - nama balai polis & no.laporan polis;
  - kesalahan serta seksyen; dan
  - nama IO.
- Kertas minit hendaklah dimasukkan di dalam IP.

### 5.3 Tindakan semasa Siasatan

#### 5.3.1 Penyediaan Diari Siasatan

- i. Diari siasatan hendaklah disediakan oleh IO mengikut peruntukan seksyen 119 KTJ seperti contoh di Lampiran S.7 sebagai rekod siasatan dan sebagai rujukan untuk mengingatkan sesuatu fakta semasa memberi keterangan di Mahkamah.
- ii. Butiran kronologi siasatan yang mesti direkodkan di dalam diari ini adalah seperti berikut:
  - a. tarikh dan waktu arahan menylasat diterima;
  - b. tarikh dan waktu siasatan dimulakan dan ditamatkan;
  - c. butir-butir tempat yang dilawati; dan
  - d. tindakan yang dilakukan berhubung dengan penyiasatan yang dijalankan.

- iii. IO hendaklah mencatatkan perihal kronologi penyiasatannya serta merta dalam diari siasatannya.
- iv. Diari Siasatan hendaklah dimasukkan ke dalam IP dan ditandakan sebagai 'C'. Jika siasatan dikendalikan oleh lebih daripada seorang IO, diari siasatan mesti ditandakan sebagai C1, C2, C3 dan seterusnya.

### 5.3.2 Pengendalian Suspek

- i. Jika siasatan ke atas suspek yang ditangkap dan ditahan dalam kurungan tidak diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dan terdapat sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan/maklumat terhadap suspek adalah berasas, IO hendaklah memohon kebenaran untuk mereman suspek daripada Majistret mengikut Seksyen 117 KTJ sebelum tamat tempoh tahanan dua puluh empat (24) jam itu. Surat permohonan perlu dikemukakan sebanyak tiga (3) salinan berserta satu salinan Diari Siasatan kepada Majistret. Setiap satu (1) salinan surat permohonan tersebut akan disimpan oleh Pendaftar Mahkamah, Balai Polis terlibat dan IO. Contoh surat permohonan reman adalah seperti di Lampiran S.8.
- ii. IO hendaklah memberitahu peguam suspek/Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) mengenai mahkamah yang mana suspek akan dibawa dan masa yang ditetapkan untuk permohonan reman. Sekiranya suspek belum berjumpa dengan peguam suspek/YBGK sebelum permohonan reman dibuat, peguam tersebut hendaklah dibenarkan bertemu dengan suspek di mahkamah tersebut, tertakluk kepada subseksyen 28A (8) KTJ (rujuk Garis Panduan bagi Pegawai Penguat Kuasa Berkaitan dengan Tangkapan dan Reman yang dikeluarkan oleh YBGK).

- iii. Suspek hendaklah dibawa ke hadapan Majistret ketika permohonan reman dikemukakan.
- iv. Majistret boleh, dari semasa ke semasa, membenarkan suspek direman selama tempoh sebagaimana berikut:-
  - a. Jika kesalahan yang sedang disiasat boleh dihukum dengan penjara kurang daripada empat belas (14) tahun, reman adalah tidak lebih daripada empat (4) hari pada permohonan pertama dan tidak lebih daripada tiga (3) hari pada permohonan kedua; atau
  - b. jika kesalahan yang sedang disiasat boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara selama tempoh empat (4) tahun atau lebih, reman adalah tidak lebih daripada tujuh (7) hari pada permohonan pertama dan tidak lebih daripada tujuh (7) hari pada permohonan kedua.
- v. Prosedur yang sama seperti permohonan reman hendaklah diikuti bagi permohonan melanjutkan tempoh reman.
- vi. Sekiranya suspek perlu dikeluarkan dari lokap untuk tujuan soal siasat, permohonan reman atau apa-apa tujuan lain, IO hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pegawai yang Menjaga Balai Polis di mana lokap itu berada. Contoh surat permohonan mengeluarkan tahanan lokap adalah seperti di Lampiran S.9.
- vii. Pembebasan suspek perlu dilakukan sebelum berakhir tempoh kebenaran reman yang diberikan. Surat permohonan pembebasan ini hendaklah dikemukakan sebanyak tiga (3) salinan kepada Majistret dan setiap satu (1) salinan akan

disimpan oleh Pendaftar Mahkamah, Balai Polis terlibat dan IO. Contoh surat permohonan pembebasan reman adalah seperti di Lampiran S.10.

- viii. Suspek hendaklah dibawa ke hadapan Majistret ketika permohonan pembebasan dikemukakan.
- ix. Suspek hendaklah dibebaskan dengan jaminan Polis. Salinan pendua jaminan polis tersebut mesti disimpan di dalam IP. Contoh surat jaminan polis ( Polis 43 ) adalah seperti di Lampiran S.11.

#### **5.3.3 Pengendalian Barang Kes**

- i. Barang kes hendaklah ditanda, direkodkan, disimpan dan dikendalikan mengikut prosedur dalam Tatacara Pengendalian Barang Kes.
- ii. Sekiranya barang kes diserahkan oleh RO kepada IO semasa barang kes tersebut masih berada di tempat kejadian, IO hendaklah memastikan keselamatan barang kes itu sehingga ianya dipindahkan ke tempat simpanan.
- iii. IO hendaklah mendapatkan salinan Laporan Polis (Pol. 51 A - Pin.1/83) yang telah disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau wakilnya seperti contoh di Lampiran S.12.
- iv. Bagi barang kes yang didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan seperti jentera dan alat pengangkutan, IO hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kimia untuk menentukan nombor enjin dan nombor casisnya. Seterusnya permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk pengesahan mengenai

pemiliknya berdasarkan nombor enjin dan nombor casis tersebut.

- v. Barang kes yang memerlukan analisis Jabatan Kimia hendaklah dihantar dalam bungkusan atau sampul yang dimeterai dengan cop rasmi Jabatan. Bungkusan atau sampul tersebut hendaklah disertakan dengan borang seperti di Lampiran S.13.
- vi. Barang kes yang berupa gambar hendaklah disediakan sebanyak lima (5) set. Empat set disimpan dalam bentuk album dan album pertama hendaklah disertakan bersama dengan filem (bagi gambar yang dirakam menggunakan kamera filem) atau CD-R / DVD-R (bagi gambar yang dirakam menggunakan kamera digital). Keempat-empat album ini hendaklah disimpan oleh IO dalam kabinet kering untuk mengelakkan kondensasi dan kerosakan kepada filem atau CD-R / DVD-R itu. Gambar-gambar dalam set kelima pula hendaklah dilekatkan secara bersusun pada kertas A4 dan dimasukkan dalam IP.
- vii. IO bertanggungjawab sepenuhnya memastikan barang kes disimpan dengan selamat mengikut tatacara penyimpanan barang kes dalam Tatacara Pengendalian Barang Kes.
- viii. Pelepasan sementara barang kes kepada pemunya barang kes tersebut di bawah subseksyen 94(2) hanya boleh dibuat dengan kebenaran IO setelah siasatan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan barang kes itu selesai.

- ix. Pelepasan sementara barang kes juga boleh dibuat dengan mendapatkan perintah Majistret mengikut peruntukan seksyen 413 KTJ. Dokumen yang perlu disediakan adalah seperti contoh di Lampiran S.14, Lampiran S.15 dan Lampiran S.16.
- x. Sekiranya barang kes adalah jenis mudah rosak atau reput atau penjagaannya melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah atau boleh menyebabkan galangan atau bencana kepada orang awam, IO boleh mengesyorkan kepada PPN supaya barang kes itu dijual seperti yang diperuntukan di bawah subseksyen 94(6) APN 1984.
- xi. Sebelum apa-apa barang kes dijual mengikut subseksyen 94(6) APN 1984, IO hendaklah memastikan rantaian keterangan berkaitan barang kes itu tidak terputus dengan mengambil tindakan seperti berikut:
  - a. menanda barang kes.
  - b. merekodkan butiran barang kes (sekiranya barang kes adalah hasil hutan, butiran yang perlu direkod ialah spesies, ukuran dan kuantiti).
  - c. mengambil gambar barang kes.
  - d. merekodkan butiran jualan barang kes seperti :
    - kaedah jualan;
    - tarikh jualan;
    - butiran pembeli; dan
    - nilai jualan.

### **5.3.4 Rakaman Percakapan**

#### **i. Proses Rakaman Percakapan**

- a. Percakapan suspek dan saksi hendaklah dirakam dengan menggunakan Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan seperti di Lampiran S.17.
- b. Sebelum percakapan suspek atau saksi dirakam, pegawai perakam hendaklah memastikan terlebih dahulu apakah kesalahan yang sedang disiasat dan mengetahui intipati kesalahan itu.
- c. Percakapan yang dirakamkan mestilah diberi secara sukarela, iaitu tanpa apa-apa dorongan, ancaman atau janji.
- d. Sebelum rakaman percakapan dibuat, pegawai perakam hendaklah memastikan sama ada suspek/saksi memahami bahasa yang dipertuturkan kepadanya dengan bertanya beberapa soalan dan menilai kefahamannya berdasarkan jawapan yang diberi.
- e. Jika suspek atau saksi tidak boleh bertutur dalam bahasa yang digunakan, khidmat jurubahasa hendaklah digunakan. Sekiranya jurubahasa itu seorang pegawai hutan, pegawai perakam hendaklah memastikan bahawa pegawai berkenaan tidak terlibat secara aktif dalam kes yang sedang disiasat itu.
- f. Sebelum percakapan dirakamkan, pegawai perakam hendaklah menyatakan kepada suspek/saksi berkenaan mengenai keperluan di bawah subseksyen 112(2) dan

112(3) KTJ dan menandatangani pernyataan tersebut.

Contoh pernyataan adalah seperti berikut:

*"Mengikut seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah saya telah memberitahu kepada (nama saksi) berkenaan dengan syarat-syarat subseksyen (2) dan (3) sebagaimana berikut:*

*(1) Kamu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepada kamu. Kamu boleh menolak daripada menjawab apa-apa soalan yang boleh menyebabkan kamu dibabitkan pada sesuatu tuduhan jenayah atau dihukum atau dirampas harta benda kamu".*

*(2) Kamu wajib bercakap benar sama ada atau tidak keterangan kamu dibuat seluruhnya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan saya."*

- g. Ayat-ayat, perkataan-perkataan dan gaya bahasa yang dicatatkan dalam Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan hendaklah ayat-ayat, perkataan-perkataan dan gaya bahasa yang dipertuturkan oleh suspek/saksi itu.
- h. Setelah percakapan selesai dirakamkan, kandungan percakapan itu hendaklah dibacakan semula kepada suspek/saksi. Dalam keadaan di mana khidmat jurubahasa digunakan, percakapan yang dibacakan semula itu hendaklah diterjemahkan kepadanya.

- i. Suspek/saksi hendaklah diberi peluang untuk membuat penambahan atau pindaan ke atas kenyataan yang diberikan melalui soalan-soalan seperti contoh berikut :

Soalan: *Adakah kenyataan ini merupakan semua yang awak ketahui mengenai perkara ini?*

Soalan: *Adakah awak ingin menambah atau membuat apa-apa pindaan?*

- j. Pegawai Perakam, suspek/saksi dan jurubahasa (jika berkaitan) hendaklah menandatangani atau menurunkan cap ibu jari di setiap muka surat rakaman percakapan tersebut.
- k. Setiap perkataan yang dipotong atau dipinda dalam rakaman percakapan itu hendaklah ditandatangan ringkas atau diperturunkan cap ibu jari oleh pegawai perakam, suspek/saksi dan jurubahasa (jika berkaitan).
- l. Sekiranya suspek/saksi enggan menandatangani atau menurunkan cap ibu jari pada rakaman percakapan, pegawai perakam hendaklah mencatatkan keengganan suspek/saksi tersebut pada rakaman percakapan itu.

m. Rakaman percakapan hendaklah ditutup dengan catatan ayat seperti berikut:

" Keterangan ini telah saya \*baca/dibacakan semula kepada saya oleh \*pegawai perakam/Jurubahasa dan diterjemahkan ke bahasa \_\_\_\_\_ yang saya fahami, dan saya akui bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah sebenarnya".

(\*potong yang mana tidak berkenaan.)

Oleh saya

t.t

Diterjemahkan oleh saya

t.t

.....  
Nama suspek/saksi:

.....  
Nama Jurubahasa:

No.KP/Pasport:

No.KP/Pasport:

Dihadapan saya

t.t

.....  
Nama pegawai perakam:

Jawatan:

n. Rakaman percakapan hendaklah ditanda dalam IP seperti berikut :

- rakaman percakapan pengadu ditanda sebagai A1.
- rakaman percakapan saksi-saksi lain ditanda sebagai A2, A3 dan seterusnya.
- rakaman percakapan suspek ditanda sebagai B1, B2, B3 dan seterusnya.

o. Sekiranya saksi enggan menghadirkan diri untuk dirakamkan percakapan, IO hendaklah mengeluarkan arahan bertulis mengikut peruntukan Seksyen 111(1) KTJ. Jika saksi masih engkar, maka IO hendaklah memohon waran tangkap daripada Mahkamah untuk memastikan kehadiran saksi tersebut dengan bantuan Polis. Borang Waran Tangkap adalah seperti di Lampiran S.18.

ii. **Rakaman Percakapan Pengadu dan Anggota Operasi**

Percakapan yang dirakam daripada pengadu dan anggota operasi hendaklah menjurus kepada;

a. Tarikh, masa dan tempat serbuan:

- nama suspek atau individu yang berada di tempat serbuan.
- gambaran sebenar tempat kejadian ( kedudukan jalan, matau, kawasan tebangan, jentera, pondok pekerja dan lain-lain ).
- nama individu yang ditemui dan diperiksa semasa serbuan.
- barang kes yang ditemui dan sebab-sebab ianya disita.

b. Tugas dan Tanggungjawab Semasa Serbuan

- tugas semasa serbuan;

- kenyataan terperinci tempat barang kes dijumpai, nama pegawai/anggota operasi yang menjumpai dan cara disita; dan
  - identiti barang kes yang disita dan penandaan yang dibuat.
- c. Kenyataan mengenai apa yang dilihat dan apa yang sebenarnya berlaku mengenai aktiviti kesalahan hutan yang dilakukan.
- d. Pengecaman semula ke atas barang kes yang disita dan pengecaman yang dibuat hendaklah direkodkan dalam rakaman percakapan.

iii. **Rakaman Percakapan Suspek**

- a. Percakapan yang dirakam daripada suspek adalah bagi maksud mendapatkan maklumat:
- Mengenai identiti, kerakyatan dan pekerjaan suspek;
  - Tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan;
  - Fakta-fakta lain berkaitan dengan kesalahan itu;
  - Mana-mana individu lain yang terlibat dan menyebabkan berlakunya kesalahan; dan
  - Sama ada kesalahan tersebut dilakukan secara berkomplot atau melibatkan individu lain yang turut bersubahat dalam perlakuan kesalahan.

- b. Semasa merakamkan percakapan, suspek-suspek lain yang turut ditangkap dan barang kes yang disita hendaklah dikemukakan kepada suspek untuk dicamkan dan setiap pengecaman yang dibuat hendaklah direkodkan dalam rakaman percakapan.

#### 5.3.5 Lawatan ke Tempat Kejadian

- i. IO hendaklah membuat lawatan ke tempat kejadian untuk meninjau dan mendapat gambaran jelas tempat kejadian. Tindakan yang perlu diambil di tempat kejadian adalah seperti berikut:
- a. Mengambil gambar tempat kejadian dan barang-barang kes seperti matau, lorong penarik, tunggul pokok, kongsi/pondok pekerja, jentera, kenderaan bermotor, mesin, kayu balak dan lain-lain (bukannya gambar yang menunjukkan operasi yang dilakukan oleh anggota pasukan di tempat kejadian).
  - b. Menanda semula barang-barang kes.
  - c. Menyediakan pelan lakar lengkap dengan petunjuk menunjukkan kawasan kejadian dan lokasi di mana barang-barang kes ditemui.
  - d. Menggeledah dengan waran atau tanpa waran mananya premis untuk mendapatkan bukti berkaitan dengan kes yang disiasat. Contoh waran untuk geledah adalah seperti di Lampiran S.19.
  - e. Benda-benda yang boleh dijadikan bukti yang baru ditemui hendaklah disita dan disediakan Borang Bongkar seperti format di Lampiran S.3. Benda-benda

itu hendaklah ditanda dan laporan polis dibuat mengenai penyitaannya.

- ii. Sekiranya perlu, IO hendaklah mendapatkan khidmat pakar dalam pengumpulan bukti. Ini termasuk mendapatkan bantuan daripada Unit Forensik, Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mengumpulkan bukti-buktı secara forensik di tempat kejadian.

#### **5.3.6 Perakaman Gambar**

Gambar hendaklah dirakamkan oleh pegawai dalam pasukan penyiasat yang ditugaskan untuk merakam gambar. Gambar boleh dirakam menggunakan kamera filem atau kamera digital. Walau bagaimanapun penggunaan kamera filem adalah digalakkan kerana menender gambar di mahkamah sebagai eksibit adalah lebih mudah bagi gambar yang dirakam dengan kamera filem berbanding dengan gambar yang dirakam menggunakan kamera digital.

##### **i. Perakaman Gambar Menggunakan Kamera Filem**

- a. Pegawai yang menguruskan pemprosesan gambar hendaklah pegawai yang sama yang merakam gambar tersebut.
- b. Satu gulung filem hendaklah dikhaskan bagi satu kes sahaja.
- c. Filem tidak boleh dipotong kecuali setakat potongan yang dibuat oleh pencuci filem untuk tujuan dimasukkan dalam sampul filem.

- d. Peralatan kamera hendaklah diperiksa sebelum merakam gambar bagi memastikan perkara-perkara berikut :
- tetapan ( *setting* ) kamera adalah betul;
  - tetapan tarikh dan masa adalah betul;
  - filem adalah mencukupi;
  - lampu pemancar (flash) berfungsi; dan
  - bateri mencukupi

ii. **Perakaman Gambar Menggunakan Kamera Digital**

a. **Perakaman dan Pemprosesan Gambar Digital**

- Pegawai yang memproses gambar hendaklah pegawai yang sama yang merakam gambar tersebut.
- Pegawai yang memproses gambar itu hendaklah menyediakan Laporan Imej Digital seperti format di Lampiran S.20 dan perakuan di bawah subseksyen 92A(2) Akta Keterangan seperti format di Lampiran S.21 untuk memastikan rantaian keterangan berkaitan gambar itu tidak terputus apabila pengemukaannya di mahkamah sebagai eksibit.

b. **Pemeriksaan Operasi Kamera Digital**

Peralatan kamera hendaklah diperiksa sebelum merakam gambar bagi memastikan perkara-perkara berikut :

- tetapan kamera adalah betul;
- tetapan tarikh dan masa adalah betul;
- kad memori mencukupi;
- lampu pemancar (flash) berfungsi; dan

- bateri mencukupi

c. **Rakaman Gambar Digital**

Integriti imej yang dirakamkan hendaklah dikenakan dengan memastikan perkara-perkara berikut :

- setiap gambar digital yang dirakam tidak dipadam dari kad memori atau diubah suai dengan apa-apa cara sekalipun walaupun gambar itu kabur atau tidak jelas untuk mengelakkan pertikaian semasa perbicaraan; dan
- gambar digital tidak dihantar melalui jaringan telefon bimbit atau emel.

d. **Kad Memori**

- Gambar digital hendaklah dirakam dengan menggunakan kad memori yang dibekalkan oleh Jabatan.
- Sekiranya kad memori yang digunakan mempunyai pengunci untuk melindungi imej daripada terpadam, pengunci ini hendaklah digunakan sebagai langkah keselamatan.
- Setelah gambar digital diburn dalam cakera padat induk, kad memori hendaklah diformat semula untuk memadamkan semua imej bagi tujuan penggunaan semula kad memori tersebut.

**e. Pencetakan Gambar**

- Gambar digital dalam kad memori hendaklah disahkan ketulenannya dengan menggunakan perisian pengesahan ketulenan gambar digital sebelum dicetak.
- Setelah disahkan ketulenannya, gambar hendaklah dicetak di atas kertas foto dengan menggunakan alat pencetak.
- Pencetakan gambar hendaklah dijalankan secepat mungkin selepas gambar dirakam bagi mengurangkan masa dan peluang untuk berlaku sebarang pindaan atau manipulasi kepada imej digital, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.
- Gambar yang dicetak bersama laporan imej digital hendaklah diserahkan kepada IO kes berkenaan dalam tempoh 48 jam setelah cetakan.

**f. *Burning* imej digital ke dalam Cakera Padat Induk**

- Setelah gambar-gambar dicetak, imej digital dalam kad memori hendaklah *diburn* ke dalam cakera padat induk dengan menggunakan CD-R atau DVD-R supaya tidak dapat dipinda atau dipadam. Penggunaan CD-RW atau DVD-RW adalah dilarang sama sekali.
- Proses *burning* imej digital dalam cakera padat hendaklah dijalankan oleh pegawai yang merakam gambar-gambar berkenaan.

- Proses ini hendaklah dilaksanakan tanpa menggunakan sebarang perisian pengeditan, dan fail imej mestilah dalam format yang sama seperti mula-mula dirakam dalam kad memori.
- *Burning* imej dalam cakera padat induk hendaklah dijalankan secepat mungkin selepas gambar dirakam dan dicetak bagi mengurangkan masa dan peluang untuk berlaku sebarang pindaan kepada imej, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.
- Imej bagi satu kes hendaklah *diburn* di dalam satu cakera padat. Jika kad memori mempunyai imej daripada beberapa kes, maka imej ini perlu diasingkan mengikut kes dan *diburn* ke dalam cakera padat yang berasingan.
- Nombor-nombor imej mesti berada dalam urutan, contohnya IMG\_00019, IMG\_00020, IMG\_00021, IMG\_00022, IMG\_00023 dan seterusnya.
- Fail imej tidak boleh dinamakan semula.

#### **g. Penyimpanan Cakera Padat Induk**

- Cakera padat induk hendaklah dilabel dengan sempurna serta mudah dibaca dan mengandungi butiran berikut :
  - nombor siri cakera padat;
  - bilangan imej;
  - nombor repot, balai dan tarikh;
  - nama IO; dan
  - nombor kertas siasatan.

- Cakera padat induk yang telah dilabel hendaklah didaftarkan dalam Daftar Barang Kes dan disimpan dengan selamat oleh IO dalam kabinet kering untuk mengelakkan kondensasi dan kerosakan kepada cakera padat itu.

### iii. Penggunaan Kamera Digital Peribadi

- a. Kamera digital peribadi termasuk kamera telefon bimbit tidak boleh digunakan untuk merakam gambar yang akan dikemukakan sebagai keterangan di Mahkamah kecuali dalam keadaan-keadaan terdesak seperti berikut:
  - terdapat keterangan penting di suatu tempat kejadian;
  - tiada kamera Jabatan pada ketika itu; dan
  - masa yang akan diambil untuk mendapatkan kamera Jabatan dan dibawa ke tempat kejadian mungkin menyebabkan keterangan penting itu hilang atau lenyap.
- b. Semua prosedur berkaitan perakaman gambar menggunakan kamera digital seperti di perenggan ii di atas hendaklah dipatuhi (walau bagaimanapun kad memori yang sedia ada di dalam kamera digital atau telefon bimbit itu boleh digunakan).
- c. Sekiranya pegawai yang merakam gambar menggunakan kamera digital atau telefon bimbit peribadi bukan IO kes berkenaan, kamera digital atau telefon bimbit peribadi tersebut hendaklah diserahkan secepat mungkin kepada IO kes berkenaan.

- d. Pegawai yang merakam gambar dengan menggunakan kamera digital atau telefon bimbit peribadi dikehendaki memberi keterangan di Mahkamah untuk mengesahkan ketulenan gambar yang dirakam olehnya.

#### 5.3.7 Penyelenggaraan Kertas Siasatan

- i. IO hendaklah melengkapkan maklumat di semua ruangan pada kulit IP kecuali ruangan No. 13, 15 dan 16 yang akan diisi oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR). Contoh fail IP adalah seperti di Lampiran S.22.
- ii. Catatan pada kertas minit hendaklah diberi nombor bilangan secara berturutan dan nombor tersebut hendaklah dibulatkan dengan dakwat merah. IO hendaklah memastikan pegawai yang mencatat minit menandatanganinya serta mencatat nama, jawatan dan tarikh.
- iii. Kandungan dan penandaan dokumen dalam IP adalah seperti di Lampiran S.23. (contoh: salinan laporan polis yang pertama ditandakan sebagai folio 'A', salinan laporan polis yang kedua sebagai folio 'AA', salinan laporan polis ketiga sebagai folio 'AAA' dan seterusnya seperti susunan dokumen dan contohnya masing-masing di Lampiran 24 dan Lampiran 25).
- iv. IP adalah dikelaskan sebagai SULIT dan IO hendaklah memastikan ianya disimpan dengan sempurna dan selamat.
- v. Mana-mana pegawai yang tidak berkaitan dengan kes yang disiasat adalah dilarang sama sekali menyimpan IP kes berkenaan.

vi. IO hendaklah merekodkan setiap pergerakan IP dalam Rekod Pergerakan IP seperti berikut :

- a. Pergerakan IP melalui serahan tangan hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang menyerah dan pegawai yang menerima; dan
- b. Pergerakan IP melalui perkhidmatan pos hendaklah direkodkan tarikh penghantaran dan penerimaannya.

#### 5.4 Tindakan Selepas Siasatan

- i. Pembebasan suspek dengan jaminan polis dibuat hanya setelah siasatan ke atas suspek selesai dijalankan. Salinan pendua jaminan polis tersebut hendaklah disimpan di dalam IP. Contoh jaminan polis adalah seperti di Lampiran S.11.
- ii. IO hendaklah membuat rujukan awal IP kepada TPR bagi tujuan semakan dan mendapatkan arahan selanjutnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Laporan Polis bagi kes berkenaan.
- iii. IO hendaklah mengambil tindakan ke atas setiap arahan TPR (jika ada) tanpa kelengahan yang munasabah.
- iv. IP yang dilengkapkan bersama Ringkasan Keterangan Kes dan Fakta Kes perlu dirujuk kepada PPN bagi mendapatkan arahan selanjutnya. Ringkasan Keterangan Kes dan Fakta Kes adalah berdasarkan kepada perkara-perkara seperti berikut:
  - a. Laporan Polis;
  - b. Kenyataan pengadu, suspek dan saksi;
  - c. Hasil siasatan yang dibuat ke atas barang-barang kes; dan
  - d. Hasil siasatan yang dibuat di tempat kejadian.

Panduan penyediaan Ringkasan Keterangan Kes adalah seperti di Lampiran S.26.

- v. IO perlu mengemukakan IP yang telah lengkap kepada TPR setelah mendapat arahan daripada PPN dalam masa seminggu selepas tamat tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Laporan Polis bagi kes berkenaan sebagaimana peruntukan seksyen 120 KTJ untuk mendapatkan arahan selanjutnya, arahan pertuduhan atau keizinan mengkompaun.
- vi. Sekiranya kompaun ditawarkan tetapi suspek tidak menjelaskan bayaran kompaun yang ditawarkan itu dalam tempoh masa yang ditetapkan, IO hendaklah memaklumkan kepada TPR untuk tindakan pendakwaan.
- vii. Bagi suspek yang bukan warganegara Malaysia, IP hendaklah dilengkapkan dengan seberapa segera bagi membolehkan TPR membuat pertuduhan sebelum tamat tempoh reman.

#### TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta bagi semua Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Saya Yang Menurut Perintah,

  
**(DATO' PROF. DR. HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)**


Ketua Pengarah Perhutanan  
Perhutanan Semenanjung Malaysia


Tarikh : 2 Disember 2013

**LAMPIRAN KEPADA PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN  
SEmenanjung Malaysia Bilangan 9 Tahun 2013**

No. Lampiran	Perkara	Muka Surat
S.1	Carta Aliran Pengendalian Siasatan Kesalahan Hutan	28
S.2	Senarai Semak Siasatan	30
S.3	Borang Bongkar	31
S.4	Serahan Barang-Barang Kes	32
S.5	Contoh Nombor Kertas Siasatan	33
S.6	Daftar Kertas Siasatan	34
S.7	Diarif Siasatan	35
S.8	Contoh Surat Permohonan Tahanan Reman	36
S.9	Contoh Permohonan Tahanan Lokap	38
S.10	Contoh Surat Permohonan Pembebasan Tahanan Reman	39
S.11	Surat Perjanjian dan Jaminan Polis	40
S.12	Salinan Laporan Polis (Pol.51A – Pin.1/83)	41
S.13	Barang Kes Untuk Pemeriksaan	42
S.14	Permohonan Mengembalikan Sementara Barang Kes	43
S.15	Bon untuk Mengemukakan Barang Kes	44
S.16	Penjamin kepada Barang Kes	45
S.17	Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan	46
S.18	Surat Permintaan Waran Atau Saman	48
S.19	Waran untuk Geledah Tempat yang Disyaki Ada Disimpan	52
S.20	Laporan Imej Digital	53
S.21	Perakuan Jurugambar	55
S.22	Contoh Kertas Siasatan	56
S.23	Kandungan Dalam Kertas Siasatan	60
S.24	Susunan Dokumen Dalam Kertas Siasatan	61
S.25	Contoh Susunan Dokumen Dalam Kertas Siasatan	62
S.26	Format Ringkasan Keterangan Kes	64

CARTA ALIRAN PENGENDALIAN SIASATAN HUTAN





SENARAI SEMAK SIASATAN

## A. Sebelum Siasatan :

- i. Laporan polis/laporan PHD
- ii. Surat lantikan Pegawai Siasatan
- iii. Terima Barang kes
- iv. Buka dan Daftar IP

## B. Semasa Siasatan :

- i. Diari Siasatan
- ii. Pengendalian Suspek
- iii. Rakaman percakapan
- iv. Lawatan tempat kejadian
- v. Pelan Lakar kawasan
- vi. Kamera, filem dan gambar
- vii. Kamera digital dan gambar 
  - a. Laporan Imej Digital
  - b. Perakuan Jurugambar
- viii. Senarai barang kes (tambahan)
- ix. Rujukan pakar(JPJ, Pendaftar Syarikat dll)
- x. Pengesahan dokumen/Barang kes
- xi. Dokumen lain ( jaminan polis dll.)

## C. Selepas Siasatan :

- i. Dokumen pelepasan barang kes
- ii. Sedia Ringkasan Keterangan Kes
- iii. Mengemukakan Kertas Siasatan kepada PPN
- iv. Serah Kertas Siasatan kepada TPR

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

BORANG BONGKAR

1. Tempat dan premis yang diperiksa:

.....  
.....

2. Nama /alamat tuan punya barang (jika ada):

.....  
.....

3. Adakah tuan punya barang hadir masa diperiksa ? Ya / Tidak

4. Nama anggota Jabatan Perhutanan masa pemeriksaan:

.....  
.....  
.....

5. Tarikh pemeriksaan..... Masa pemeriksaan.....

6. Barang-barang yang disita:

Bil.	Barang-barang yang disita	Di mana dijumpai

Tuan Punya/Pengendali/Pengawal/  
Barang Yang Dibongkar

Pegawai Hutan Yang Membongkar

*Nota:* Isi borang ini dalam dua (2) salinan. Serahkan satu (1) salinan kepada tuan punya barang dan simpan salinan asal untuk Kertas Siasatan.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

SERAHAN BARANG-BARANG KES

1. Nama dan Pangkat Pegawai yang menyerahkan barang kes:

.....  
.....

2. Nama Pegawai Penyiasat yang menerima barang kes :

.....  
.....

3. Tarikh : ..... Masa : .....

4. Barang-barang kes yang diserahkan :

Bil.	Barang Kes	Tanda

.....  
Pegawai Serbuan

.....  
Pegawai Penyiasat

*Nota:*

*Isi borang ini dalam tiga ( 3 ) salinan. Serahkan dua (2) salinan kepada Pegawai yang menerima barang kes dan satu (1) salinan disimpan oleh Pegawai yang membuat serahan.*

**CONTOH NOMBOR KERTAS SIASATAN**

Setiap Kertas Siasatan hendaklah diberi nombor rujukan bermula dengan nombor Kod Jabatan Perhutanan Negeri diikuti dengan Kod Daerah dalam Jabatan Perhutanan Negeri, Bilangan Kertas Siasatan dan Tahun Kertas Siasatan itu dibuka.

Contoh :

PHN.PHG	/T	/03	/11	/2013
Kod Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	Kod Daerah Temerloh	Bilangan Kes (Nombor turutan)	Bulan Kes Berlaku	Tahun Kes Berlaku

**CONTOH:**

PHN.PHG/T/03/11/2013

**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA/ NEGERI** .....

**DAFTAR KERTAS SIASATAN**

BIL.	TARIKH	NO SIRI KERTAS SIASATAN	MAKLUMAT SUSPEK			WARGA NEGARA	KESALAHAN	NAMA BALAI & NO. REPORT POLIS	NAMA PEGAWAI PENYASAT
			NAMA	JANTINA	TARIKH LAHIR/UMUR				

## DIARI SIASATAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI .....

Kertas Butiran Penyiasatan (Nama/Pangkat) .....

Report Polis No. : ..... Nama Balai Polis di mana Report Dibuat: .....

Tarikh dan Masa	No. Butiran Penyiasatan	Butir-butir Penyiasatan
24/05/2003 (Sabtu) 12.00 tgh	1	Terima arahan PPN untuk memulakan siasatan.
26/05/2003 (Isnin) 2.00 petang	2	Berjumpa dengan ketua pasukan serbuan dan mendapatkan maklumat mengenai kes yang disiasat.
27/05/2003 (Selasa) 9.00 pagi  3.00 petang	3	Melawat ke tempat kejadian bersama-sama dengan ketua pasukan serbuan, melakar tempat kejadian, mengambil gambar, mendapatkan bukti tambahan (nyatakan).
	4	Memeriksa, mengambil gambar dan menerima barang-barang kes daripada pegawai yang membuat penyitaan (ketua pasukan serbuan).
29/03/2003 (Khamis) 9.30 pagi	5	Merakamkan percakapan ketua pasukan serbuan (nyatakan nama) dan dua orang daripada ahli-ahlinya (nyatakan nama)
30/03/2003 (Jumaat) 9.00 pagi	6	Merakamkan percakapan dua orang lagi ahli pasukan serbuan (nyatakan nama).



**PEJABAT HUTAN DAERAH,  
JOHOR UTARA,  
85000 SEGAMAT,  
JOHOR DARUL TA'ZIM.**

TEL : 07-9312141  
FAX : 07-9317518



*Sila nyatakan rujukan surat pejabat ini apabila menjawab*

NAMA PEGAWAI PENYIASAT : MUHAMMAD SOFEE BIN MUHAMMAD  
NO KAD PENGENALAN : 770730-01-6401

NO REPORT : SEGAMAT/002902/09

23 APRIL 2009-04-23

Yang Arif,  
Tuan Majistret,  
Mahkamah Majistret Segamat,  
85000 Segamat,  
JOHOR DARUL TA'ZIM

**Perkara : MENAHAN SUSPEK DIBAWAH SEKSYEN 117 KANUN  
PROSEDUR JENAYAH**

Pengadu : Muhammad Hatta bin Abdullah No Kad Pengenalan :700316-01-5637

Suspek : Mazlan bin Jalani No kad Pengenalan : 740901-01-6805

Rohaizad bin Abd. Aziz No Kad Pengenalan : 720823-01-5349

**1. Ringkasan Kejadian**

